

Bantuan kepada mangsa dan keluarga

Christchurch, Mac 2019

ACC adalah sebuah organisasi yang berperanan bagi menjalankan Skim Kerajaan untuk menyediakan bantuan serta sokongan apabila berlaku kecederaan terhadap orang awam. Skim ini tertakluk kepada semua orang awam yang berada di dalam New Zealand. Skim ini melibatkan golongan kanak-kanak, pelajar, pekerja, pesara serta pelawat di New Zealand.

Sekiranya anda terlibat dalam kecederaan ringan atau berat, atau melibatkan kematian, ACC di sini sedia memberikan khidmat. Kami akan memastikan bantuan yang diberikan adalah secukupnya kepada anda dan keluarga.

Bagaimana untuk mendapatkan sokongan

Jika anda berada di hospital, kakitangan di sana akan mengemukakan tuntutan ACC untuk anda. Mereka akan memberikan anda rawatan yang diperlukan dan kami akan menghubungi anda dengan segera.

Sekiranya anda cedera, atau ahli keluarga seseorang yang telah cedera sila hubungi kami, supaya kami dapat menjelaskan dan menyusun sokongan yang boleh diberi . Anda boleh:

- Lawati kami di cawangan ACC Christchurch, yang terletak di Pusat BNZ, Aras 2, 101-111 Cashel St, Christchurch. Dibuka pada waktu 8.30 pagi - 5 petang, Isnin hingga Jumaat.
- Nombor talian di 0800 080 273

Antarabangsa: +64 7859 8678

Emel: christchurchresponse@acc.co.nz

Maklumat umum tambahan mengenai sokongan ACC juga boleh didapati di laman web kami:
www.acc.co.nz.

Sokongan tersedia jika anda mengalami kecederaan

Sekiranya anda mengalami kecederaan, serta membayar untuk rawatan perubatan anda, terdapat beberapa cara yang dapat kami membantu semasa anda pulih. Ini termasuk:

- Pampasan untuk kehilangan pendapatan. Kami membayar sehingga 80% daripada pendapatan anda sebagai pampasan seminggu jika anda tidak dapat bekerja kerana kecederaan yang anda alami.
- Membantu di rumah. Kami boleh memberi bantuan dengan membersihkan dan menjaga rumah anda semasa anda cedera dan menyokong aktiviti penjagaan diri seperti mandi dan berpakaian.
- Penjagaan anak. Kami boleh membantu dengan menjaga anak-anak anda semasa anda cedera. Bantuan boleh didapati di rumah atau di taman permainan atau tadika. Kami juga boleh memberi penjagaan untuk membantu ibu bapa yang cedera dengan tugas yang tidak dapat mereka lakukan untuk anak mereka kerana kecederaan, contohnya berpakaian dan mencuci.
- Kaunseling. Kami boleh memberikan bantuan kesihatan jiwa dan mental, dan kaunseling jika diperlukan.

Sokongan disediakan untuk keluarga yang telah kehilangan orang yang disayangi

Sokongan kami meliputi:

- **Pembantuan kos pengebumian.** Kami membayar geran pengebumian sehingga \$ 6,219 ke arah kos pengebumian dan nilai ini ditambah kepada jumlah \$10,000 oleh Kementerian Kehakiman untuk mangsa pembunuhan. Anda tidak perlu membayar sebarang cukai ke atasnya. Anda boleh memilih untuk mengadakan pengebumian di New Zealand atau di luar negara.
- **Geran untuk keluarga mangsa terselamat.** Keluarga juga boleh menerima bayaran sekali sahaja untuk pasangan, anak-anak dan tanggungan Allahyarham/Allahyarhamah. Kami bayar:
 - \$ 6,668 kepada pasangan Allahyarham/Allahyarhamah

- \$ 3,334 kepada setiap kanak-kanak di bawah usia 18 tahun atau tanggungan yang lain. Jika kanak-kanak atau tanggungannya berada di bawah 16 tahun, wang ini akan dibawa kepada ibu bapa atau penjaga mereka. Anda tidak perlu membayar apa-apa cukai ke atasnya.

- **Sokongan berterusan untuk kanak-kanak di New Zealand.** Sekiranya Allahyarham/Allahyarhamah mempunyai anak, keluarga boleh mendapatkan bayaran mingguan untuk membantu penjagaan kanak-kanak selama lima tahun atau sehingga kanak-kanak itu berumur 14 tahun. Jumlahnya bergantung kepada berapa ramai kanak-kanak di bawah umur 14 tahun yang dijaga. Anda tidak akan membayar cukai ke atas bayaran ini, tetapi ini boleh menjelaskan bantuan yang anda dapat dari Work and Income New Zealand (WINZ). Jika kanak-kanak mempunyai kecacatan, kita akan mempertimbangkan jika pembayaran boleh terus berlanjutan lebih lama.
- **Pampasan mingguan untuk keluarga.** Sekiranya Allahyarham/Allahyarhamah memperoleh pendapatan di New Zealand apabila mereka meninggal dunia, anda mungkin boleh mendapat pampasan untuk kehilangan pendapatan itu untuk menyokong keluarga. Kami membayar sehingga 80% pendapatan Allahyarham/Allahyarhamah. Wang ini tersedia untuk menyokong suami atau isteri Allahyarham/Allahyarhamah, anak-anak mereka dan boleh diedarkan kepada ibu bapa atau sanak saudara mereka yang dalam tanggungan Allahyarham/Allahyarhamah . Sekiranya seseorang yang hidup bergantung di luar negara, mereka masih boleh menerima bayaran. Bayaran bergantung kepada keadaan orang.